



# SIARAN AKHBAR

## UNTUK SIARAN SEGERA

### Lima Usahawan Wanita Cemerlang Dinobatkan Sebagai Ikon Usahawan Wanita 2019

**Serdang, 30 Ogos 2019** – Anugerah Ikon Usahawan Wanita 2019 hari ini menyaksikan lima usahawan wanita yang berprestasi cemerlang di mana masing-masing dinobatkan sebagai Ikon Usahawan Muda, Ikon Usahawan Halal, Ikon Usahawan Digital, Ikon Usahawan Mikro dan Ikon Usahawan Berprestasi Tinggi. Kesemua ikon ini dipilih berdasarkan penilaian kewangan dan bukan kewangan seperti pengurusan operasi, strategi perniagaan, kreativiti, inovasi, penggunaan ICT dan pembangunan sumber manusia. Anugerah Ikon Usahawan Wanita 2019 ini diwujudkan bagi memberi pengiktirafan kepada usahawan wanita yang cemerlang dan meningkatkan motivasi dalam menghadapi cabaran dalam persaingan di pasaran domestik, serantau dan antarabangsa. Anugerah ini diumumkan oleh YB Datuk Seri Mohd Redzuan Md Yusof, Menteri Pembangunan Usahawan semasa Konvensyen Usahawan Wanita yang diadakan bersempena dengan Minggu Usahawan Nasional (MUN 2019).

Usahawan wanita merupakan antara agenda utama dalam pembangunan ekonomi negara kerana 20.6 peratus (186,855) daripada 907,065 jumlah keseluruhan pertubuhan perniagaan yang berdaftar di Malaysia adalah milikan wanita. Justeru itu, menyedari kepentingan sumbangan usahawan wanita kepada pertumbuhan ekonomi negara, SME Corp. Malaysia sebagai agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) diamanahkan untuk menganjurkan Konvensyen Usahawan Wanita sebagai penyediaan platform bagi memperkuatkan jaringan kerja usahawan wanita seluruh negara dan membuka peluang untuk membina rantaian baru di pasaran domestik atau antarabangsa. Konvensyen yang bertemakan “*Women Thinking Big*”

ini berlangsung selama dua hari mulai 29 Ogos 2019 hingga 30 Ogos 2019 di Hall D2, Tapak Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang, Selangor.

Pelbagai aktiviti menarik telah diaturkan seperti sesi panel, sesi perkongsian, sesi ‘networking’ dan *showcase* produk keluaran usahawan wanita. Di antara ahli panel yang terlibat ialah Anne Idris, Pengasas *My Mum’s Bakery*; Noriana, *The Face Designer*; Yien Yee, *Co-Founder*, Avana serta ramai lagi. Selain itu, usahawan selebriti tanahair iaitu Dato’ Siti Nurhaliza, turut berkongsi pengalaman, ilmu dan tip perniagaan serta kisah mereka sebagai inspirasi khususnya kepada yang berminat untuk menceburi bidang keusahawanan manakala Nana Mahazan dan Fara Fauzana akan menggalas tugas sebagai moderator dan pengacara. Pengunjung juga berpeluang menyaksikan persembahan Zee Avi semasa program ini berlangsung.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Encik Muhammad bin Ibrahim atau Puan Amy Sarah Ahmad Fuad di talian 03-2775 6170 / 6352 atau emel – [muhammad@smecorp.gov.my](mailto:muhammad@smecorp.gov.my) / [amysarah@smecorp.gov.my](mailto:amysarah@smecorp.gov.my)

#### **PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)**

SME Corp. Malaysia  
Level 6, SME 1, Block B  
Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur  
Tel : 603-2775 6000  
Fax : 603-2775 6001  
E-mail : [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)  
Website : [www.smecorp.gov](http://www.smecorp.gov).

#### **SME Corp. Malaysia**

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.